

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
(KUALA KRAI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan insentif yang diberikan kepada pihak institusi-institusi kewangan untuk menggalakkan penyediaan perkhidmatan mesin wang syiling di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesin-mesin deposit duit syiling disediakan oleh institusi-institusi kewangan merupakan satu lagi kemudahan yang ditawarkan kepada pelanggan perbankan dan tidak memerlukan sebarang insentif dari Bank

Negara Malaysia (BNM). Penyediaan mesin deposit duit syiling merupakan inisiatif institusi-institusi kewangan seluruh negara di mana BNM hanya bertindak sebagai pemudah cara. Kemudahan mesin deposit duit syiling dapat meningkatkan keberkesanan operasi pengendalian duit syiling oleh institusi-institusi kewangan selain memudahkan pelanggan mereka menandatangani duit syiling yang disimpan sekian lama.

Selain itu, Mesin Deposit Duit Syiling (CODMs) juga akan menggalakkan pengedaran semula duit syiling oleh orang ramai. Pada masa ini, sejumlah besar duit syiling yang dikeluarkan oleh BNM tidak dikembalikan untuk edaran semula atau digunakan untuk transaksi pembayaran.

Sehingga kini, sebanyak 236 mesin deposit duit syiling telah disediakan oleh institusi-institusi kewangan untuk kegunaan orang ramai di seluruh negara. BNM juga telah mengadakan perbincangan dengan institusi-institusi kewangan mengenai keperluan penyediaan mesin-mesin deposit duit syiling berdasarkan kepada faktor-faktor seperti bilangan, ketumpuan pelanggan dan saiz deposit. Skop penyediaan mesin-mesin

deposit duit syiling ini akan diperluaskan lagi sekiranya perlu dan mendapat sambutan baik daripada orang ramai.